

Jenis Akhbar : Utusan Borneo

Tarikh : 23/05/2020

Edisi / Muka Surat : Sabah&Sarawak / 8

Tajuk : KOPERKASA umum agihan dividen, pulangan atas simpanan peribadi

## KOPERKASA umum agihan dividen, pulangan atas simpanan peribadi

**KUCHING:** Koperasi Koperkasa Sarawak Berkad (KOPERKASA) semalam mengumumkan pengagihan dividen dan pulangan atas simpanan peribadi kepada semua ahli dengan jumlah keseluruhan sebanyak 12.65 peratus.

Pengerusi KOPERKASA Sarawak Fathi Hambali dalam kenyataan media semalam berkata, ia setelah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 12 Mei lalu.

"Dividen dan pulangan atas simpanan peribadi itu akan dibayar kepada anggota sebanyak tujuh peratus bagi

Dividen Model Syer berjumlah RM2,427,955, 4.15 peratus bagi Dividen Modal Yuran Bulanan berjumlah RM2,929,901.

"Sementara itu, Pulangan Atas Simpanan Peribadi sebanyak 1.50 peratus berjumlah RM249,497," katanya.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, KOPERKASA telah mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM10,192,975.

Pengagihan itu jelasnya, melibatkan agihan kepada seramai lebih kurang 25,000 orang anggotanya di seluruh Sarawak.

Pembayaran dividen dan

pulangan atas simpanan peribadi tersebut boleh dikeluarkan mulai 10 Jun ini di semua pejabat KOPERKASA di seluruh negeri.

Justeru, semua anggota digalakkan untuk mendaftar akaun di portal myKOPERKASA yang disediakan khas untuk ahlinya bagi memudahkan anggota menyemak baki akaun masing-masing.

"Dengan adanya portal myKOPERKASA, anggota juga boleh membuat urusan pengeluaran dividen dengan memberi maklum balas serta kemas kini maklumat bank dalam portal tersebut mulai 3 Jun ini," katanya.